

Sistem pendidikan tahap baik – PM

KUALA LUMPUR 6 Julai - Kejayaan yang dikecapi oleh universiti di negara ini bukan hanya dilihat sebagai pencapaian membanggakan tetapi membuktikan sistem pendidikan Malaysia berada pada tahap yang baik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, terbaharu, sistem pendidikan tinggi Malaysia ditempatkan pada kedudukan ke-25 terbaik di dunia berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Universitas 21 (21).

“Dalam tempoh enam tahun ini, kita telah mendaki sebanyak 11 tangga. Tahniah Kementerian Pendidikan Tinggi, teruskan usaha #SoaringUpwards!” katanya menerusi laman blog beliau, *najibrazak.com* hari ini.

Berkongsi lanjut mengenai pencapaian universiti tempatan, Perdana Menteri berkata, kedudukan kesemua universiti penyelidikan negara ini yang berada dalam kelompok 300 terbaik dunia sepertimana diterbitkan dalam laporan

Quacquarelli Symonds (QS) 2017/2018, turut bermakna kelima-lima universiti itu tersenarai dalam kalangan satu peratus teratas dunia.

“Ranking Universiti Malaya (UM) meningkat sebanyak 19 anak tangga ke kedudukan 114, bermakna tidak jauh lagi untuk mencapai sasaran menembusi tahap 100 terbaik dunia manakala Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula naik 72 anak tangga, peningkatan terbaik bagi tahun ini.

“Begitu juga Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), kesemuanya meningkat dalam ranking masing-masing.

Tambahan kepada itu kata Perdana Menteri, berdasarkan laporan Universiti Asia Pasifik Times Higher Education 2017, sebanyak lima universiti negara ini turut tersenarai dalam kalangan 200 terbaik, yakni UPM, UTM, USM, UKM dan Universiti Teknologi Petronas (UTP).